

MOHD KHALIL DILANTIK CANSELOR KUTKM

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 27/07/2005 | Author: / BD KAY BK

MELAKA, 27 Julai (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob dilantik sebagai Canselor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di sini.

Rektor KUTKM Profesor Datuk Ismail Hassan berkata majlis pengisytiharan pelantikan Mohd Khalil akan dibuat pada majlis konvokesyen pertama KUTKM di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh dekat sini pada Sabtu ini.

Canselor itu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat menteri selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Ismail berkata pelantikan Mohd Khalil, 66, adalah mengikut peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan KUTKM di bawah perkara 10(1) dan (2) Bahagian II.

Mengenai konvokesyen pertama KUTKM itu, beliau berkata seramai 240 graduan akan menerima ijazah dan 231 graduan lagi menerima diploma.

Beliau berkata setakat ini KUTKM menawarkan lima program diploma dan 20 program ijazah termasuk program di peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Pengambilan pelajar pertama seramai 348 orang pada 10 Jun 2001 dan sehingga kini mempunyai pelajar 4,972 orang serta mensasarkan bilangan pelajar 10,000 orang menjelang 2010, katanya.

Ismail berkata sempena majlis konvokesyen itu, beberapa anugerah akan diberikan kepada pelajar cemerlang termasuklah Pingat Diraja dan anugerah Canselor.

Beliau berkata KUTKM akan turut menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua orang tokoh yang berjasa dalam bidang kejuruteraan.

Bagi memeriahkan lagi majlis konvokesyen itu, katanya pesta konvokesyen selama tiga hari bermula esok akan diadakan di Dataran Sejarah, Ayer Keroh dengan pelbagai aktiviti termasuk pertunjukan kebudayaan dan kesenian, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, pertandingan mewarna dan melukis, go-kart, pameran kenderaan, pertunjukan haiwan dan sukaneka.

-- BERNAMA

BD KAY BK